



UniMAP

MAJLIS PERASMIAN ANJUNG UniMAP KULIM


2 Februari 2010

Anjung UniMAP Kulim, KHTP Bussines Centre,
Kulim, Kedah Darul Aman



Universiti Malaysia Perlis

Keluarga • Kekhlaskan • Kecemerlangan



MAJLIS PERASMIAN
ANJUNG UniMAP KULIM

WAWASANKU

**Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita**

**Berdikari, Rohaniah
Berteknologi
Pemimpin Berbestari
Untuk Bangsa, Insan Dan Umat
Dunia
Negara Yang Tercinta**

**Universiti Malaysia Perlis
Alam Kejuruteraan
Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan
Wawasan Jiwa Kita**

Semangat UniMAP

**Visi Universiti
Visi Berintegriti
Dinamik Masa Berinteraksi
Visi Kita Semua
Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara**

**Visi Universiti
Visi Berintegriti
Dinamik Masa Berinteraksi
Visi Kita Semua
Membina Jiwa Minda
Sama Semangat Untuk Negara**

**Visi Cemerlang Gemilang
Terbilang**

UniMAP!!!



Daulat Tuanku

Merasak Sembah Menjunjung Kasih
Di Atas Keberangkatan Tuanku Berdua



**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL
D.K., S.P.M.P.**

**TUANKU RAJA MUDA PERLIS
CANSelor UniMAP**



DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL

S.P.M.P.

TUANKU RAJA PUAN MUDA PERLIS
PRO CANSELOR UniMAP



UniMAP



KATA ALUAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana terus memberikan limpah rahmat dan inayahnya bagi membolehkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) maju selangkah lagi melalui penubuhan pejabat perwakilan UniMAP yang kedua iaitu Anjung UniMAP Kulim yang terletak di KHTP Business Centre ini.

Sesungguhnya, penubuhan Anjung UniMAP ini adalah selaras dengan amalan di negara-negara maju yang mana semua aktiviti pengkayaan pengajaran dan pembelajaran adalah berorientasikan industri, menjadi teras proses pengajaran dan pembelajaran. Namun, memandangkan lokasi UniMAP yang jauh dari kawasan-kawasan perindustrian, menjadi daya penolak kepada UniMAP untuk terus melangkah lebih maju di bidang industri. Ini memandangkan kedudukan UniMAP adalah di negeri yang lebih terkenal dengan sumber pertanian.

Maka, atas dasar itulah UniMAP cuba melebarkan sayap melalui penubuhan pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada 1 April 2005 dan yang terkini di Kulim. Adalah menjadi harapan dan impian kami warga UniMAP keseluruhannya untuk melihat Anjung UniMAP Kulim ini menjadi pusat tumpuan bagi segala kegiatan khususnya di dalam bidang politik, pendidikan, penyelidikan, ekonomi, hubungan pengantarabangsaan, pelancongan, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.

Selain itu, Anjung UniMAP Kulim juga diharap dapat mewujudkan jalinan kerjasama erat dengan pelbagai industri di sekitar Pulau Pinang dan Selatan Kedah selain Alumni UniMAP sendiri yang berkhidmat di sekitar Perai, Pulau Pinang dan Selatan Kedah.

Pejabat ini akan menjadi pusat pertemuan dan penyelaras operasi kerjasama industri, promosi serta kursus-kursus pendek UniMAP yang akan dioperasikan oleh Pusat Kerjasama Industri.

Sekian, Wassalam.

Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin
Naib Canselor,
Universiti Malaysia Perlis

MAJLIS PERASMIAN
ANJUNG UniMAP KULIM



Anjung UniMAP Kulim

Anjung UniMAP Kulim merupakan pejabat perwakilan Universiti Malaysia Perlis yang kedua ditubuhkan di luar kampus induknya. Anjung UniMAP Kulim yang akan beroperasi di Kulim Hi-Tech Park, Kulim, Kedah ini akan berperanan sebagai Pusat Komunikasi Setempat.(One Stop Communications Centre).

Pejabat ini akan menjadi pusat pertemuan dan penyelarasan operasi kerjasama industri, promosi dan kursus-kursus pendek UniMAP yang akan dianjurkan oleh Pusat Kerjasama Industri. Selain itu, Anjung UniMAP Kulim akan meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan baik dengan pelbagai industri di sekitar Pulau Pinang dan Selatan Kedah.

Misi

Menawarkan perkhidmatan kepadaan UniMAP kepada industri untuk mengukuhkan rangkaian kerjasama dan menjana kewangan Universiti.

Visi



Menjadi pusat konsultansi dan penawaran kepadaan UniMAP dan menyumbang kepada pembangunan daya saing industri.

Atur Cara Majlis Perasmian Anjung UniMAP Kulim

**2 Februari 2010
KHTP Business Centre,
Kulim Hi-Tech Park, Kulim Kedah**

- | | |
|----------|---|
| 2:45 ptg | - Ketibaan Jemputan |
| 3:00 ptg | - Ketibaan Y.Bhg. Naib Canselor dan Isteri |
| 3:05 ptg | - Ketibaan Y.Bhg. Pengerusi LPU dan Isteri |
| 3:10 ptg | - Ketibaan Dif-dif Kehormat |
| 3:20 ptg | - Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis |
| 3:30 ptg | - Keberangkatan Tiba DYTM Canselor dan DYTM Pro-Canselor UniMAP
- Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda dan WAWASANKU
- Doa
- Ucapan Aluan Y.Bhg. Naib Canselor
- Titah Ucapan Perasmian DYTM Canselor
- Gimik Perasmian
- Upacara Menandatangani MoU
- Penyampaian Cenderahati
- Lagu Semangat UniMAP
- Lagu Dirgahayu Tuanku Raja Muda |
| 5:00 ptg | - Lawatan |
| 5:30 ptg | - Jamuan Teh |
| 6:30 ptg | - Keberangkatan Balik DYTM Canselor dan DYTM Pro-Canselor UniMAP
- Majlis Bersurai |

Kemudahan Di Anjung UniMAP Kulim



MAJLIS PERASMIAN ANJUNG UniMAP KULIM

MoA & MOU



MoA UniMAP dan SME Corporation Malaysia (SME Corp)

Hubungan kerjasama antara UniMAP dan SME Corporation adalah dalam bidang Program SME University Internship ini merupakan kesinambungan daripada Program Pembelajaran Berasaskan Konsultasi untuk EKS ASEAN atau singkatannya CoBLAS (*Consulting Based Learning for ASEAN SMEs*).

Keberkesanan model yang telah diperkenalkan ini telah menarik minat SME Corporation Malaysia (SME Corp) untuk turut serta dalam menjayakan program ini di Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Pelaksanaan 'Pilot Project' telah terlebih dahulu dilaksanakan dengan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM bermula Disember 2007 sehingga Februari 2008. Pembentangan laporan akhir oleh pelajar-pelajar UKM telah diadakan pada 19 April 2008.

Justeru, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) tampil ke hadapan untuk turut serta dalam program yang dilihat berpotensi untuk membangunkan sahsiah pelajar ke arah memilih kerjaya keusahawanan.

Dalam program ini, SME Corp berperanan dalam mempromosikan program ini di kalangan EKS, menilai dan memilih EKS untuk menyertai program ini, menyediakan penasihat pakar kepada EKS dan membayai eluan pelajar yang terlibat (RM 600 sebulan untuk 3 bulan).

Model program ini berdasarkan hubungan tiga pihak (triangulasi). Ia merujuk kepada hubungan rapat (rajab) dalam bentuk latihan/praktikal antara:

- Akademik (Universiti, sebagai pusat kecermerlangan),
- Pemilik EKS yang turut serta, dan
- Pelajar, sebagai Konsultan pelatih.

Untuk melaksanakan program ini di UniMAP, Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) berperanan sebagai pengurus untuk program ini. Cadangan kumpulan pertama program UniMAP SME Internship 2010 ini adalah seramai 30 orang pelajar yang akan dipilih berdasarkan keputusan akademik dan minat pelajar.

MoU UniMAP dan Kulim Technology Park Corporation (KTPC)

Kulim Technology Park Corporation adalah pemaju dan pengurus Kulim Hi-Tech Park (juga dikenali sebagai "KHTP"). Memorandum Perjanjian ini merupakan sambungan MoU yang telah tamat pada tahun lepas. Hubungan kerjasama antara KTPC dan UniMAP adalah untuk berkongsi membangunkan kerjasama di antara dua pihak universiti dan industri, bertujuan meningkatkan keupayaan pendidikan dalam satu-satu institusi berhubung dalam bidang kepakaran dan kepentingan bersama. Program menerusi kerjasama ini adalah berdasarkan satu semangat kerjasama, kesalingan dan faedah bersama untuk kedua-dua belah pihak; bersama-sama dengan ini bersetuju seperti berikut:

**MAJLIS PERASMIAH
ANJUNG UniMAP KULIM**

- I. UniMAP memberi khidmat nasihat kepada KTPC dalam mempromosikan teknologi-teknologi baru.
- II. UniMAP membantu dalam persediaan bahan-bahan latihan dalam bidang yang bersesuaian.
- III. UniMAP membantu dalam mempromosikan kursus/seminar/workshop di Perlis, Utara Kedah yang dikendalikan di KHTP.
- IV. UniMAP menjadi tuan rumah untuk kursus-kursus jangka pendek yang dijalankan oleh KTPC untuk bahagian Perlis, Kedah Utara di UniMAP.
- V. KTPC membantu dalam menubuh Anjung UniMAP Kulim di KHTP untuk mempromosikan program pendidikan UniMAP, kemudahan-kemudahan dan aktiviti R&D di UniMAP.
- VI. KTPC membantu dalam "Program Kemahiran Kejuruteraan" untuk kemasukan pelajar-pelajar UniMAP dalam KHTP.
- VII. KTPC menjadi tuan rumah untuk forum-forum/seminar untuk Pembangunan Kokurikulum UniMAP.
- VIII. KTPC membantu dalam pengelolaan industri dan program latihan untuk kakitangan UniMAP.
- IX. KTPC membantu dalam menjalankan latihan dan menyediakan perkhidmatan kepada UniMAP dalam CAD/CAM, CNC, VCIM, 'Design Collaboration', 'Rapid Prototyping and Leser Processing'.
- X. KTPC memberi khidmat nasihat pada UniMAP dalam kemajuan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi pembuatan.
- XI. KTPC membantu pelajar-pelajar UniMAP dalam penempatan pelajar latihan industri.

MoU UniMAP dan Northern Corridor Economic Region (NCIA)

Nilai import bahan makanan negara mencecah RM 27.9 billion setahun manakala eksport negara pula hanya RM 7 billion setahun. Permintaan pertanian dan makanan terus meningkat disebabkan oleh peningkatan populasi penduduk, taraf ekonomi rakyat dan keperluan makanan kesihatan. Justeru, UniMAP dan NCIA akan bekerjasama untuk membangunkan projek teknologi kejuruteraan kreatif untuk pengeluaran pertanian berteknologi tinggi di Stesen Penyelidikan Agroteknologi, Universiti Malaysia Perlis, Sungai Chuchuh, Padang Besar, Perlis.

Program Kejuruteraan Kreatif adalah aplikasi pelbagai disiplin kejuruteraan, sains pertanian dan perniagaan yang terdapat di UniMAP untuk pengeluaran tanaman, ternakan dan akuakultur berteknologi tinggi. Di antara teknologi tinggi yang akan dibangunkan adalah sistem pertanian dalam persekitaran terkawal seperti struktur rumah hijau, reban ternakan tertutup dan kolam akuakultur kitaran air tertutup.

Struktur rumah hijau dan sistem fertigasi akan dibangunkan untuk pengeluaran tanaman bernilai tinggi jenis temperat, sub-tropika dan tropika seperti herba-herba, sayur-sayuran dan buah-buahan. Teknologi ini mengamalkan pendekatan pertanian tepat (*precision farming*) yang berupaya melipatgandakan hasil dan kualiti hasil pertanian.

Struktur reban tertutup dengan persekitaran terkawal untuk pengeluaran ternakan seperti lembu pedaging, kambing boer dan ayam pedaging kampung juga akan dilaksanakan, bertujuan meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran.

Pengeluaran hasil akuakultur seperti ikan sikap, udang putih dan ketam menggunakan struktur kolam kitaran air tertutup juga akan dibangunkan. Projek ini menggabungkan teknologi kejuruteraan, bioteknologi dan sains perikanan untuk pengeluaran berkualiti dan berdaya maju. Teknologi ini berupaya mengurangkan masalah kualiti air, penyakit dan kematian yang tinggi berbanding kolam konvensional.

Aktiviti hiliran seperti pengendalian lepas tuai berpusat dan pemprosesan produk baru hasil daripada pengeluaran tanaman, ternakan dan akuakultur juga akan dibangunkan. Ini dapat mengurangkan kehilangan lepas tuai yang tinggi dan dapat menangani masalah pasaran tidak menentu pada ketika ini. Pendekatan ini membolehkan hasil pertanian dijual dalam bentuk mentah dan terproses.

Pengeluaran pertanian berteknologi tinggi akan dilaksanakan secara bersepudu bersama inkubator yang akan ditubuhkan. Selain dapat memberi pendapatan yang lumayan kepada pengusaha, projek ini menyediakan kemudahan bahan rujukan kepada industri, latihan kepada pelajar universiti dan penduduk tempatan untuk mereka meningkatkan ilmu dan pengalaman sebelum menceburи bidang pertanian moden.

MoU UniMAP dan C-RaD Technologies Sdn. Bhd.

Kerjasama dengan C-RaD Technologies adalah untuk berkongsi maklumat, peralatan dan kepakaran dalam usaha untuk merekabentuk, membangun dan mengkomersialkan sistem penderia (*sensor*), bagi pelbagai aplikasi.

C-RaD mempunyai pengalaman dalam bidang reka bentuk elektronik/mikroelektronik, pemprosesan isyarat, pengaturcaraan sistem terbenam dan GUI (*Graphical User Interface*) yang merupakan faktor penting dalam merekabentuk sistem penderia berteknologi tinggi. UniMAP pula, di bawah kluster *Sensor Technology & Applications*, mempunyai keupayaan yang mantap dalam merekabentuk dan membina pelbagai jenis penderia, yang berasaskan beberapa teknologi terkini.

Usahasama C-RaD-UniMAP ini akan menumpu kepada bidang pertanian jitu (*Precision Agriculture*) dan sistem pengawasan persekitaran (*Environmental Monitoring*). C-RaD juga akan menjadi platform bagi usaha pemasaran sistem-sistem penderia yang akan dibangunkan secara bersama nanti.

MoU UniMAP dan CELCOM Axiata Berhad

Memorandum persefahaman antara UniMAP dan CELCOM Axiata Berhad yang ditandatangani pada 2 Februari 2009 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu bentuk kerjasama bagi melatih, membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada sekumpulan pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang perniagaan dan keusahawanan di UniMAP agar mereka dapat menceburkan diri secara aktif dalam bidang keusahawanan terutamanya bidang telekomunikasi.

Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) Universiti Malaysia Perlis akan memikul tanggungjawab sebagai penggerak program ini. Kumpulan pertama program UniMAP-CELCOM Axiata Berhad ini akan disertai oleh 30 orang pelajar yang akan dipilih berdasarkan dua kriteria utama iaitu minat yang mendalam dalam bidang keusahawanan dan keputusan akademik yang cemerlang.

Melalui program ini, adalah diharapkan agar UniMAP dapat menghasilkan graduan yang mampu berdikari bagi menjana pendapatan sendiri setelah bergraduat kelak. Mereka tidak akan bergantung kepada sektor makan gaji semata-mata. Adalah diharapkan juga, pengalaman dan latihan yang diperolehi akan membina keupayaan untuk mereka mewujudkan perniagaan sendiri kelak, seterusnya membuka peluang-peluang pekerjaan baru kepada masyarakat setempat.

CELCOM Axiata Berhad telah melaksanakan *Pilot Project* program yang sama dengan Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM) sejak tahun 2007 dan telah membawa hasil yang amat memberangsangkan.

Sehubungan dengan itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merebut peluang untuk turut serta berkerjasama dalam program yang dilihat dapat menjadi platform untuk melatih dan menggalakkan para pelajar program perniagaan menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian nanti.

Penghargaan

Universiti Malaysia Perlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
Pejabat YAB Menteri Besar Perlis
SME Corporation Malaysia (SME Corp)
Kulim Technology Park Corporation (KTPC)
Northern Corridor Economic Region (NCIA)
C-RaD Technologies Sdn. Bhd.
CELCOM Axiata Berhad
Pos DiRaja Malaysia
Pihak Media
Warga UniMAP

Serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Majlis Perasmian Anjung UniMAP Kulim.

www.unimap.edu.my



Malaysia